

Malaysia, Thailand setuju bina 2 jambatan

BH - 25/1/2019

m/s: 5

Bangkok: Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal bersama bagi membincangkan lebih terperinci cadangan pembinaan Jambatan Persahabatan antara Malaysia dan Thailand, akan diadakan di Kuala Lumpur Mac depan, kata Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Timbalan Perdana Menteri dalam rangka lawatan rasmi dua hari ke Thailand berkata, kedua-dua negara bersetuju mempercepatkan proses pembinaan jambatan menghubungkan Kelantan dengan Narathiwat, iaitu Jambatan Tak Bai-Pengkalan Kubor dan Sungai Golok-Rantau Panjang.

Beliau berkata, kedua-dua negara juga komited merealisasikan pembinaan Jambatan Persahabatan dan majlis pecah tanah, untuk pembinaan kedua-dua jambatan dijangka dapat dilakukan perdana menteri kedua-dua negara tahun ini.

Katanya, isu pembinaan Jambatan Persahabatan dibangkitkan Perdana Menteri Thailand, Jeneral Prayut Chan-o-cha ketika beliau mengadakan kunjungan hormat ke atas perdana

menteri itu di Government House, semalam.

"Saya fikir reka bentuk ada disentuh dalam perbincangan dan disusuli dengan aspek teknikal. Saya berpendapat jawatankuasa teknikal tertinggi di kedua-dua pihak akan berhubung cara melaksanakannya.

"Saya tidak dimaklumkan tempoh masa, ia mengambil masa agak lama. Pihak Thailand juga ada beberapa isu perlu kita tangani," katanya pada sidang media bersama media Malaysia di sini, semalam.

Dr Wan Azizah diiringi Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub dan Timbalan Menteri Luar, Datuk Marzuki Yahya.

Yang turut serta pada sidang media itu, Duta Besar Malaysia ke Thailand, Datuk Jojie Samuel. Lawatan itu adalah yang pertama sejak Dr Wan Azizah dilantik Timbalan Perdana Menteri pada 21 Mei lalu.

Dr Wan Azizah berkata, perbincangan bersama rakan sejawatannya, Jeneral Chatchai Sarikulya sangat produktif dengan menyentuh pelbagai perkara penting.



Dr Wan Azizah Wan Ismail

Hubungan makin erat

"Kedua-dua pihak sepakat hubungan dua hala antara Malaysia dan Thailand semakin erat dan kukuh.

"Bertitik-tolak daripada keinginan itu, saya dan pemimpin Thailand berbincang dan bertukar pandangan mengenai perkembangan terkini kerjasama dua negara, serta saling berkongsi pendapat mengenai hala tuju dalam memperkukuhkan lagi hubungan Malaysia dan Thailand.

"Lawatan peringkat tertinggi dan usaha kerjasama baharu dipelopori adalah bukti nyata terhadap keinginan ini.

"Kita perlu memastikan era ini adalah *The Golden Era of Malaysia-Thailand relations*," katanya.

Dr Wan Azizah berkata, kedua-dua pihak berpuas hati dengan kesediaan Malaysia dan Thailand membuka laluan masuk-keluar Malaysia dan Thailand di Bukit Kayu Hitam serta Sadao selama 24 jam, untuk kargo dan kenderaan muatan berat bermula 1 April depan.

"Kedua-dua pihak bersetuju memberikan tempoh percubaan tiga bulan untuk tujuan itu dan diharap ia dapat melancarkan lagi pergerakan kenderaan berat kedua-dua negara, serta memudah cara hubungan perdagangan kita dengan Thailand," katanya.

Dari segi ekonomi, Dr Wan Azizah berkata, bagi 2017 dan 2018, Thailand kekal sebagai rakan dagang kelima terbesar Malaysia di dunia selepas China, Singapura, Amerika Syarikat serta Jepun, dan kedua terbesar di ASEAN selepas Singapura, manakala Malaysia kekal rakan dagang keempat terbesar Thailand di dunia dan yang terbesar di ASEAN.

BERNAMA